

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL
ISKANDAR BIN MOHD AKIN
(BUKIT KATIL)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah pesara tentera yang berdaftar sejak dari tahun 1957 dan jumlah pesara tentera yang menyertai dan mendapat manfaat daripada Koperasi Tentera; dan**
- (b) adakah bentuk halangan untuk pesara tentera terutama mereka yang pernah berkhidmat ketika konfrantasi untuk menyertai koperasi ini.**

JAWAPAN:

Bilangan pesara tentera yang masih menjadi anggota Koperasi Tentera (KT) sejak mula ditubukan pada 12 November 1960 sehingga kini adalah seramai adalah 20,017 anggota (sehingga 31 Disember 2015).

Antara manfaat yang diperolehi sebagai seorang anggota Koperasi adalah seperti berikut:

- a. Mendapatkan pinjaman tunai secara mudah;**
- b. Sumbangan kebajikan apabila ditimpa bencana (tertakluk kepada keupayaan Koperasi);**
- c. Mengikuti kursus anjuran Maktab Kerjasama Malaysia secara percuma;**
- d. Pulangan hibah dari simpanan, yuran dan syer anggota dalam Koperasi;**
- e. Khairat Kematian sebanyak RM2,000; dan**
- f. Boleh mencarum Skim Takaful Berkelompok ATM dengan bayaran premium yang kompetitif.**

Keanggotaan Koperasi Tentera adalah secara sukarela. Semua bekas tentera boleh meneruskan keanggotaan bersama Koperasi Tentera sehingga anggota meninggal dunia dengan syarat membayar yuran keanggotaan setiap bulan.

Bagi pesara tentera yang ingin menjadi anggota Koperasi Tentera, halangannya adalah pada had umur maksima ketika memohon untuk menjadi anggota iaitu tidak melebihi 60 tahun. Selain daripada itu, semua pesara tentera boleh memohon untuk menjadi anggota Koperasi Tentera dengan membuat bayaran yuran bulanan tanpa gagal bagi menikmati kelebihan/manfaat yang telah dinyatakan di atas.